

PM: Ambil kira pandangan Melayu

Oleh NORAZIAH JAAFAR

KEPALABATAS 13 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil kira cadangan-cadangan yang disuarakan oleh masyarakat Melayu bagi memelihara kepentingan mereka di negeri ini.

Menurut Perdana Menteri, ini kerana ada usaha kerajaan negeri yang diterajui Gerakan gagal membantu masyarakat Melayu, dipercayai menjadi punca timbulnya perasaan tidak puas hati di kalangan mereka terhadap Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

Bagaimanapun katanya, kerajaan negeri masih memberikan

Bantuan itu ada tetapi mungkin tidak sepenuhnya seperti yang diharapkan oleh masyarakat Melayu di Pulau Pinang

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

bantuan dalam menjaga kepentingan orang Melayu walaupun mungkin tidak sepenuhnya.

"Bantuan itu ada tetapi mungkin tidak sepenuhnya seperti yang diharapkan oleh masyarakat Melayu di Pulau Pinang, jadi ia mungkin menyebabkan adanya perasaan tak puas hati itu.

"Tetapi kita tidak boleh kata Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak bantu langsung orang Me-

layu, itu kenyataan yang tidak betul. Kalau kata tidak bantu langsung, tidak betul, kalau kata belum cukup, betul," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Pengasas Yayasan Budi Penyayang dan Bank Muamalat Malaysia Berhad cawangan Kepala Batas yang terletak di Kompleks Budi Penyayang di sini hari ini.

Kelmarin, bekas Ketua Pergerakan Pemuda U M N O Tanjung, Raja Munir Shah Raja Mustafa mendakwa Tsu Koon gagal membantu Melayu Pulau Pinang dan sudah tiba masanya jawatan Ketua Menteri diserahkan kepada U M N O secara mutlak bukannya menerusi sistem penggiliran.

Tsu Koon bagaimanapun menolak dakwaan tersebut dan menjelaskan segala program pembangunan di negeri ini bukan keputusan beliau sendiri, sebaliknya persetujuan yang dicapai melalui musyawarah dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dari parti komponen Barisan Nasional

• **Lihat muka 4**

PM: Ambil kira pandangan Melayu

(BN) termasuk UMNO, MCA dan MIC.

Hampir semua Pergerakan Pemuda U M N O bahagian di Pulau Pinang mahu, membangkitkan cadangan penggiliran itu pada mesyuarat mereka yang sedang berlangsung ketika ini, sebagai tidak puas hati berhubung kegagalan kerajaan negeri membantu menjaga kepentingan orang Melayu.

Mengulas lanjut Perdana Menteri berkata, mungkin ada antara cadangan tersebut boleh dilaksanakan dan ada yang sebaliknya kerana masalah kekurangan sumber yang dihadapi kerajaan negeri.

"Tetapi pembangunan mesti kita laksanakan," tegasnya.

Perdana Menteri memberitahu, salah satu perkara yang sering ditimbulkan dalam memperkatakan isu orang Melayu Pulau Pinang ialah pembangunan tanah wakaf yang masih tidak dapat dilakukan.

Menurutnya, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM40

juta bagi pembangunan tanah wakaf orang Islam di seluruh negara khususnya yang banyak terdapat di sekitar Georgetown.

"Tanah-tanah ini memang bernilai tinggi dan boleh digunakan untuk pembangunan yang mendatangkan hasil lebih baik," ujarnya

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, wujud sedikit kesukaran dan halangan dari segi hukum agama yang perlu diambil kira sebelum melaksanakan pembangunan di tanah-tanah berkenaan.

Ini kerana, katanya, ada tanah itu yang merupakan tanah wakaf keluarga, untuk tujuan umum dan yang disediakan untuk masjid sahaja, bukannya untuk tujuan lain.

"Itu pun kena ambil kira juga, kalau dia kata untuk masjid sahaja, tidak boleh guna untuk pembangunan lain. Itulah yang menjadi sedikit kesusahan dan halangan untuk menggunakan tanah itu sepenuhnya untuk memberi faedah ekonomi," jelasnya.